

## KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 23/03/2020

Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi



### PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Tahniah dan syabas atas pelantikan YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi berkuatkuasa pada 23 Mac 2020. Pelantikan ini adalah selaras dengan pewujudan Kementerian Pengajian Tinggi sebagai kementerian baharu.

YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, 56 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sejarah (Kepujian) dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Polisi Sains daripada Universiti Saitama, Jepun dan Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan dari Universiti Hull, United Kingdom. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 32 tahun dengan jawatan pertama yang disandang sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

Berpengalaman luas dalam bidang pengurusan dan pemodenan perkhidmatan awam serta pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah, Institut Tadbiran Awam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya percaya dengan pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, beliau mampu membawa perubahan terhadap peranan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan dan pemodenan pusat ilmu yang unggul dan seterusnya melahirkan modal insan yang berkualiti dan berupaya memacu pembangunan negara di masa hadapan.

**DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**  
23 Mac 2020  
28 Rejab 1441

**Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/16>